

TEKS UCAPAN
Y. BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Majlis Anugerah Sukan UTeM (MASUTeM) dan
Anugerah Bakti & Kegemilangan Pelajar 2014**

*13 Mei 2015 (Rabu), 8.30 malam
Dewan Sukan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka*

Halaman 1 daripada 13

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 753 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.

SALUTASI

1. Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhamad

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

2. Yang Berbahagia Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

3. Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Izaidin bin Abdul Majid

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

- 4. Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang,**
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
5. Pegawai-pegawai Kanan Universiti
6. Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM
7. Jawatankuasa Kerja Majlis Anugerah Sukan (MASUTeM) dan
Anugerah Bakti & Kegemilangan Pelajar 2014
8. Rakan Media
9. Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta para pelajar yang dikasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. **Terima kasih** diucapkan kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar selaku Urus Setia Majlis Anugerah Sukan (MASUTeM) dan Anugerah Bakti & Kegemilangan Pelajar 2014 kerana melaksanakan majlis penghargaan seumpama ini.
2. Majlis ini memberi **pengiktirafan dan meraikan kejayaan dan kecemerlangan para pelajar** yang telah bertungkus-lumus mencurahkan bakti mengharumkan nama UTeM dalam kesukunan.
3. Majlis malam ini adalah **gabungan penganjuran kali pertama** antara Majlis Anugerah Sukan UTeM (MASUTeM) dan Anugerah Bakti & Kegemilangan Pelajar 2014.

Halaman 5 daripada 13

4. Malam ini akan menyaksikan pemberian **12 Anugerah Sukan UTeM dan 12 Anugerah Bakti & Kegemilangan Pelajar.**
5. Penganugerahan ini sebagai **pendorong dan menyuntik semangat** lebih ramai warga UTeM untuk bergiat dengan lebih gigih seterusnya cemerlang dalam bidang yang diceburi **khususnya dalam bidang kesukanan, persatuan dan kelab.**
6. **Harapan UTeM** adalah untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja mempunyai **kemahiran teknikal yang tinggi dan kompeten** malah mempunyai **nilai diri dan keperibadian cemerlang.**

PPPM (PT) 2015 – 2025

7. PPPM (PT) dilancarkan pada 7 April 2015.
8. Antara yang diberi penekanan adalah **keseimbangan atribut pelajar dan graduan dalam aspek akhlak dan ilmu**.
9. **Enam atribut pelajar** yang dimaksudkan adalah etika dan rohani, kemahiran kepimpinan, identiti kebangsaan, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan.
10. PPPM (PT) menggariskan 10 lonjakan, dan lonjakan **pertama lebih berkait rapat kepada pelajar iaitu Graduan Keusahawanan, Holistik dan Seimbang**.

11. Lonjakan pertama ini penting kerana:

- ✓ Penerimaan kerjaya dan penglibatan sebagai usahawan di kalangan graduan masih rendah (2%),
- ✓ Industri masih berpendapat bahawa graduan masa kini masih belum mempersiapkan diri sepenuhnya untuk dunia pekerjaan,
- ✓ Penguasaan Bahasa Inggeris yang masih lemah,
- ✓ Perwatakan, sikap dan personaliti yang lemah.

12. **Keusahawanan, pemikiran kritikal dan kerja berkumpulan** merupakan kemahiran yang kurang dikuasai oleh kebanyakan pelajar masa kini.

13. Usaha membentuk pelajar dan graduan yang mempunyai **ciri-ciri kepimpinan, nilai etika dan profesionalisme yang tinggi** turut diberi penekanan dalam Pelan Strategik Universiti 2012-2020 di bawah Tema 3.

PENGLIBATAN AKTIF DALAM SUKAN/PERSATUAN

14. Dapat meningkatkan lagi **keyakinan diri, semangat juang yang sihat, membina asas kepimpinan dan kerja berkumpulan.** \

15. Menyokong kepada **Pembangunan Kemahiran Insaniah** (soft skill) pelajar:
- a. Kemahiran berkomunikasi
 - b. Menyelesaikan masalah
 - c. Kerja berpasukan
 - d. Pembelajaran berterusan dan Pengurusan Maklumat
 - e. Kemahiran Keusahawanan
 - f. Etika dan Moral Profesional
 - g. Kemahiran Kepimpinan

PENUTUP

- 16. Syabas dah tahniah kepada semua penerima anugerah pada malam ini.**
- 17. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar atas sokongan, usaha dan perancangan teliti untuk meningkatkan lagi kualiti serta kecemerlangan pelajar UTeM.**
- 18. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk menjayakan Majlis Anugerah ini**

19. **Harapan** : dengan mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif dalam sukan dan persatuan dapat mendorong ke arah hidup yang lebih berkualiti. InsyaAllah.
20. **Pesanan** : gunakanlah peluang yang ada, tonjolkan diri, melibatkan diri sebagai pasukan kerja yang proaktif, dinamik dan berdaya saing bagi memacu kecemerlangan UTeM sehingga ke peringkat tertinggi.

Bunga peria di atas sampan,
Dahan gedangsa bersilang-silang;
Di tangan siswa terletak harapan,
Membawa UTeM ke mercu gemilang.

Cantik si helang terbang bergaya,
Hinggap seketika di dahan ara;
Siswa UTeM warga berjaya,
Peribadi cemerlang pewaris negara.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.* Terima kasih.